

11 AUG 1998

Mahathir-Singapura

HUBUNGAN DENGAN S'PURA DIKAJI SEMULA JIKA KEADAAN SERIUS, KATA MAHATHIR

PULAU PINANG, 11 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia mungkin mengkaji semula hubungan dua hala dengan Singapura jika pertikaian antara kedua-dua negara menjadi serius.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, setakat ini keadaan (masalah perhubungan antara Singapura dan Malaysia) belum serius.

Dr Mahathir berkata demikian pada satu persidangan berita apabila ditanya sama ada kerajaan akan mengkaji semula hubungan dua hala yang sedia terjalin memandangkan masih terdapat pertikaian antara kedua-dua negara sedangkan Malaysia menganggap Singapura sebagai jiran yang baik.

Sebelum itu, beliau merasmikan Menara Umno Pulau Pinang sempena lawatan sehari beliau ke negeri ini.

Hubungan Malaysia dengan Singapura terjejas sejak kebelakangan ini apabila kerajaan republik itu mengarahkan agar pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Malaysia di stesen kereta api Tanjong Pagar dipindahkan ke Woodlands. Malaysia membuat keputusan untuk mengekalkan pusat pemeriksaan itu di situ yang tapaknya adalah milik KTM Berhad.

Dr Mahathir juga diminta mengulas mengenai saranan seorang Anggota Parlimen Singapura supaya rakyat negara itu tidak menggunakan perkhidmatan kereta api untuk ke Malaysia kerana mereka boleh dianggap sebagai pendatang tanpa izin kerana Imigresen Malaysia tidak cop passport mereka.

"Itu terpulang kepada mereka. Kita tak kata begitupun," katanya.

Ketika ditanya mengenai penyebaran khabar angin menerusi Internet, Perdana Menteri berkata ia adalah satu perbuatan sabotaj untuk melemahkan usaha negara menangani masalah ekonomi.

Katanya, bagaimanapun tiada sebarang bukti yang dapat ditonjolkan bahawa perbuatan itu adalah sabotaj atau konspirasi tetapi yang jelasnya ialah kesan perbuatan itu sama seperti konspirasi.

-- BERNAMA

AA MAI